

# **DASAR- DASAR JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**

## **DASAR PENYEWAAN DEPO SAMPAH & BEKAS TAPAK TANGKI NAJIS UNTUK TUJUAN PUSAT KITAR SEMULA ATAU PUSAT KOMPOS**

Syarat-syarat sewaan adalah seperti berikut:-

- (i) Tempoh sewaan adalah selama tiga (3) tahun;
- (ii) Kadar sewaan adalah bersamaan bayaran cukai tanah terkini untuk depo sampah atau bekas tangki najis MPSP yang berkenaan;
- (iii) Penyewa dikehendaki membayar wang cagaran sewa berjumlah RM100 kepada MPSP sebaik sahaja menerima tawaran. Wang cagaran ini akan dipulangkan semula kepada penyewa di akhir penyewaan atau apabila berlaku penamatan awal tanpa faedah dan selepas ditolak apa-apa hutang yang terakru oleh penyewa;
- (iv) Penyewa dikehendaki membayar wang cagaran bayaran utiliti berjumlah RM100 kepada MPSP sebaik sahaja menerima tawaran. Wang cagaran ini akan dipulangkan semula kepada penyewa di akhir penyewaan atau apabila berlaku penamatan awal tanpa faedah dan selepas ditolak apa-apa hutang yang terakru oleh penyewa;
- (v) Penyewaan adalah berdasarkan konsep 'as is where is'. Penyewa dikehendaki menanggung segala kos pembaikan, penyelenggaraan, pengubahsuaian dan pengurusan premis MPSP tersebut;
- (vi) Penyewa dikehendaki mengemukakan pelan pengubahsuaian atau pelan penambahan bangunan kepada MPSP untuk pertimbangan dan kelulusan terlebih dahulu sebelum apa-apa binaan dijalankan;
- (vii) Depo sampah atau bekas tapak tangki najis MPSP yang terlibat hendaklah digunakan bagi tujuan pusat kitar semula atau pusat kompos sahaja;
- (viii) Penyewa dikehendaki menanggung segala kos bayaran utiliti seperti bayaran bil air, bil elektrik dan lain-lain bayaran perkhidmatan (jika ada) di sepanjang tempoh sewaan;
- (ix) Penyewa dengan kos sendiri dikehendaki mengemukakan bukti-bukti resit bayaran utiliti setiap tiga (3) bulan untuk tujuan rekod;
- (x) Penyewa dikehendaki memastikan kebersihan premis MPSP yang

disewakan sentiasa dalam keadaan baik dan penyewa juga hendaklah memastikan aktiviti penyewaannya tidak menimbulkan apa-apa kacau ganggu kepada kawasan sekitar;

- (xi) Penyewa tidak dibenarkan menggunakan premis yang disewakan daripada MPSP ini untuk apa-apa tujuan yang menyalahi apa-apa perundangan di Malaysia;
- (xii) Penyewa dikehendaki mematuhi sepenuhnya syarat-syarat lesen sepertimana yang ditetapkan oleh Jabatan Pelesenan MPSP;
- (xiii) Penyewa tidak dibenarkan menyewa kecil atau melepaskan hak pengurusan premis yang disewakan kepada mana-mana pihak ketiga tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada MPSP;
- (xiv) Di akhir penyewaan atau apabila berlaku penamatan awal, penyewa dikehendaki menyerahkan premis yang disewakan termasuk apa-apa pembaikan dan pengubahsuaian yang telah dilakukan (jika ada) kepada MPSP dengan aman dan tidak akan menuntut apa-apa pampasan atau gantirugi daripada MPSP;
- (xv) Mana-mana pihak boleh menamatkan sewaan dengan memberi tiga (3) bulan notis secara bertulis; dan
- (xvi) Penyewa dikehendaki menandatangani perjanjian sewaan dengan MPSP dan segala kos yang berkaitan dengan perjanjian sewaan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh penyewa.

(Diluluskan pada Mesyuarat Majlis Penuh yang ke- 468 bertarikh 27 Jun 2013)